

SULIT
3766/1
PERNIAGAAN
KERTAS 1
MASA 1 1/4 JAM

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

PERNIAGAAN

KERTAS 1

1 JAM 15 MINIT

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C, dan D. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak termasuk kulit

*Soalan ini mengandungi **40** soalan. Jawab **semua** soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C dan D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.*

1. Kerajaan memberikan subsidi kepada syarikat yang mengeluarkan beras untuk membantu rakyat yang kurang berkemampuan. Apakah kaedah perniagaan yang digunakan?
 - A Secara percuma
 - B Jualan pada harga kos
 - C Jualan pada harga di bawah kos
 - D Jualan pada harga di atas kos

2. Apakah kelebihan perniagaan milikan tunggal?
 - A Perniagaan kekal berterusan
 - B Keputusan adalah hak pemilik
 - C Cukai keuntungan dikecualikan
 - D Pemilik menanggung liabiliti terhad

3. Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Kasih Indah Trading.

- Jumlah jualan tahunan sebanyak RM30 juta
 - Bilangan pekerja tetap seramai 80 orang

 Berdasarkan pernyataan di atas, apakah kelebihan saiz perniagaan tersebut?
 - A Kos overhead tinggi
 - B Kos upah yang tinggi
 - C Perniagaan yang lebih fleksibel
 - D Perniagaan yang mengamalkan pengkhususan

4. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan sektor tertier?
 - A Aiman menjalankan aktiviti ternakan ikan air tawar
 - B Aldens Sdn. Bhd. terlibat dalam industri pembinaan jambatan
 - C Pak Tam menghasilkan mi kuning menggunakan resepi warisan keluarga
 - D Salman menjadikan ladang ternakan kambing biri-birinya sebagai tempat kunjungan ramai

5. Antara yang berikut, yang manakah menerangkan ciri-ciri koperasi?
 - I Ahli mempunyai kepentingan yang sama

- II Modal perniagaan disumbangkan oleh syarikat korporat
- III Anggota koperasi menanggung liabiliti tidak terhad
- IV Setiap anggota berhak membuat keputusan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6. Antara yang berikut, yang manakah kelebihan perniagaan francais kepada francais?

- I Menikmati ekonomi bidangan
- II Mengembangkan perniagaan secara global
- III Menanggung risiko kegagalan yang rendah
- IV Mendapat sokongan pihak pengurusan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

7. Apakah peranan Bank Negara Malaysia?

- A Menyediakan bantuan kewangan kepada usahawan
- B Menawarkan pembiayaan kepada orang ramai
- C Memantau dan mengawal keadaan ekonomi
- D Menerbitkan syer syarikat awam berhad

8. Gambar 1 merupakan logo sebuah agensi kerajaan.



Gambar 1

Antara berikut, yang manakah peranan agensi tersebut kepada peniaga?

- I Memberi pelepasan cukai
- II Memberi latihan dan seminar
- III Menyediakan kemudahan infrastruktur
- IV Menyediakan pusat perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9. Keadaan manakah yang menyebabkan trend meningkat dalam persekitaran perniagaan?

- A Pengurusan yang kurang cekap dan tidak sistematik
- B Pekerja yang bermotivasi tinggi, rajin serta berdisiplin
- C Keadaan ekonomi yang tidak berkembang
- D Sistem perundangan yang tidak stabil

10. Persekitaran luaran yang manakah boleh menjayakan sesebuah perniagaan?

- A Kemudahan kredit jangka panjang yang disediakan oleh pembekal bahan mentah
- B Struktur organisasi yang mantap dalam menyelaraskan aktiviti antara jabatan
- C Sumber kewangan syarikat mencukupi untuk membiayai kos pembangunan
- D Peluang kenaikan pangkat yang disediakan untuk memotivasikan pekerja

11. Maklumat berikut berkaitan dengan gaya pengurusan.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Pekerja kurang bermotivasi |
|--|

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Tahap disiplin pekerja yang sangat rendah |
|---|

Apakah gaya pengurusan tersebut?

- A Gaya pengurusan *laissez-faire*
- B Gaya pengurusan autokratik
- C Gaya pengurusan sederhana
- D Gaya pengurusan sokongan

12. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan pembentukan visi, misi dan objektif (VMO) sesebuah organisasi?

- I Dijadikan panduan dalam pengurusan organisasi
- II Merupakan asas pembentukan strategi perniagaan
- III Dijadikan asas untuk mendapatkan pembiayaan luar
- IV Dibentuk untuk mencapai matlamat jangka pendek organisasi

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

13. Maklumat di bawah berkaitan dengan kos bagi pengeluaran 50 000 unit produk ZZ.

Kos tetap	RM100 000
Bahan langsung	RM200 000
Buruh langsung	RM150 000

Apakah Titik Pulang Modal (unit) bagi pengeluaran produk ZZ sekiranya harga jualan produk itu ialah RM15 seunit?

- A 12 000 unit
- B 12 500 unit
- C 13 000 unit
- D 13 500 unit

14. Maklumat berikut berkaitan dengan objektif sebuah restoran makanan Korea.

Restoran Makanan Korea Duduyo ingin meningkatkan keuntungan sebanyak 15% dalam masa enam bulan.

Apakah ciri-ciri SMART yang terdapat dalam objektif Restoran Makanan Korea Duduyo?

- A Munasabah
- B Boleh dilihat
- C Boleh diukur
- D Boleh dicapai

15. Apakah faktor dalaman yang mempengaruhi perubahan visi perniagaan?


- A Undang-undang
- B Kewangan
- C Teknologi
- D Sosiobudaya

16. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan tujuan bahagian fungsian?

- I Boleh melatih lebih ramai pekerja
- II Memperoleh keuntungan yang banyak
- III Mengurangkan kos dan permasalahan dalam pengurusan
- IV Mewujudkan pengkhususan dalam bidang tugas

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17. Maklumat berikut berkaitan dengan penggunaan teknologi maklumat.




Apakah risiko yang dihadapi oleh peniaga sekiranya menggunakan saluran tersebut?

- I Pasaran yang terlalu luas
- II Komen negatif terhadap produk
- III Terdedah kepada penipuan bayaran
- IV Meningkatkan kos promosi perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

18. Rajah di bawah berkaitan dengan saluran agihan



Produk yang manakah sesuai menggunakan saluran agihan tersebut?

- A Kosmetik
- B Ubat-ubatan
- C Alat elektrik
- D Kapal terbang

19. Maklumat berikut berkaitan dengan tugas harian Puan Salmah.

- Menentukan kuantiti dan spesifikasi barang yang dibeli adalah tepat
- Memastikan barang pesanan mencukupi dan berkualiti

Bahagian fungsian manakah Puan Salmah ditempatkan?

- A Pembelian
- B Pengagihan
- C Pentadbiran
- D Pengeluaran

20. Apakah kepentingan wujudnya hubungan interaksi antara peniaga dengan pihak bank?

- A Mendapatkan bantuan pembiayaan kewangan
- B Mendapatkan sesuatu kelulusan dengan pihak kerajaan
- C Mendapat harga yang murah dan penghantaran yang cepat
- D Menjalankan urus niaga dengan menjual barang atau perkhidmatan kepada pelanggan

21. Antara berikut, yang manakah merupakan kekuatan sumber pembiayaan luaran bagi agensi kerajaan?

- I Memberi peluang kepada perniagaan yang tidak mempunyai cagaran
- II Jumlah pinjaman boleh disesuaikan dengan keperluan semasa
- III Dikenakan kadar faedah yang tinggi
- IV Tertakluk kepada syarat pinjaman yang ketat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22. Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan luaran.

Encik Akeef berhasrat untuk mendapatkan sebuah jentolak bagi tujuan membersihkan tanah terbiar untuk ternakan burung puyuh. Encik Akeef telah memilih sumber pembiayaan daripada syarikat pajakan bagi tujuan tersebut.

Mengapakah Encik Akeef memilih sumber pembiayaan tersebut?

- A Pembayaran deposit boleh mengurangkan pembayaran bulanan
- B Penyelenggaraan jentolak dilakukan oleh syarikat pajakan
- C Jentolak tidak boleh ditarik balik oleh syarikat pajakan
- D Jentolak akan menjadi hak milik Encik Akeef

23. Situasi manakah menerangkan pembiayaan overdraf?

- A Puan Siti menggadaikan barang kemasnya untuk mendapatkan tunai segera
- B Puan Hasina menggunakan wang simpanan sebagai modal untuk memulakan perniagaan
- C Encik Razif mengeluarkan wang melebihi jumlah simpanannya untuk membayar pembekal
- D Encik Karthik memerlukan beberapa traktor yang hanya akan digunakan untuk tempoh 12 bulan

24. Apakah maksud sumber pembiayaan dalaman?

- A Modal yang diperoleh daripada simpanan peribadi
- B Modal permulaan yang diperoleh daripada bank
- C Modal yang diperoleh daripada agensi kerajaan
- D Modal yang diperoleh daripada overdraf

25. Antara berikut, yang manakah kelebihan sumber pembiayaan luaran?

- I Cepat dan ringkas
- II Tidak melibatkan kos
- III Jumlah pinjaman boleh disesuaikan
- IV Bayaran balik pinjaman secara ansuran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26. Butiran manakah merujuk kepada aset semasa?

- A Inventori
- B Bangunan
- C Kenderaan
- D Kelengkapan pejabat

27. Butiran manakah yang berkaitan dengan belanja membeli barang niaga?

- A Sewa
- B Insurans
- C Angkutan keluar
- D Angkutan masuk

28. Butiran yang manakah dikategorikan sebagai kos berubah?

- A Belian bahan mentah
- B Bayaran insurans
- C Gaji pengurus
- D Sewa kilang

29. Apakah kelebihan menjadi usahawan kepada masyarakat?

- A Peluang untuk membuka perniagaan baharu
- B Mewujudkan kerjasama serantau
- C Membuka peluang pekerjaan
- D Memupuk sikap berdikari

30. Butiran berikut diperoleh daripada penyata kewangan Hafiz Enterprise.

Butiran	RM
Untung Kasar	14 000
Untung Bersih	8 480
Jualan	38 000
Modal Awal	35 000

Berapakah peratusan margin untung bersih?

- A 22.32%
 - B 24.23%
 - C 36.84%
 - D 40.00%
31. Antara berikut, yang manakah **bukan** ciri-ciri lokasi yang sesuai bagi memulakan perniagaan?
- A Mudah dikunjungi
 - B Banyak kemudahan infrastruktur
 - C Tempat yang menjadi tumpuan ramai
 - D Berhampiran pelabur

32. Pernyataan yang manakah merujuk kepada kemahiran berfikir secara kreatif?

- I Membuat definisi tentang konsep keusahawanan
- II Meramalkan jualan perniagaan pada masa depan
- III Mencipta satu alat penjimatan penggunaan petrol
- IV Mempertimbangkan kewajaran dalam menyelesaikan masalah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


33. Perniagaan manakah yang berkaitan dengan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?

- A Sejati Sdn. Bhd.
- B Berbakti Budi Berhad.
- C Rezeki Berkat Enterprise
- D Muafakat Mercu Jaya PLT

34. Apakah dokumen yang perlu disimpan dalam rekod kos operasi?

- A Resit
- B Invois
- C Bil utiliti
- D Penyata bank

35. Rajah 3 merupakan prosedur pendaftaran sebuah perniagaan.



Apakah bentuk pemilikan perniagaan yang melalui prosedur tersebut?

- A Klinik Amin dan Rakan-rakan
- B Santai Makan Sdn Bhd
- C Timur Maju Berhad
- D Gagasan Enterprise

36. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu urusaniaga.

Puan Suri membuat jualan barang niaga sebanyak RM10,000 secara kredit.

Apakah dokumen urusaniaga yang terlibat?

- A Invois
- B Memo
- C Bil tunai
- D Baucer pembayaran

37. Maklumat berikut diambil daripada penyata aliran tunai.

	RM
Jualan tunai	80 000
Pinjaman	10 000
Faedah pinjaman	1 000
Komisen diterima	600

Berapakah jumlah penerimaan yang terlibat?

- A RM80 600
- B RM89 600
- C RM90 600
- D RM91 600

38. Maklumat berikut berkaitan dengan kaedah promosi.

- Maklumat tentang produk mempunyai kredibiliti yang tinggi
- Kos siaran ditanggung oleh pihak media massa

Apakah kaedah promosi tersebut?

- A Publisiti
- B Pengiklanan
- C Promosi jualan
- D Jualan langsung

39. Mengapakah penyediaan rancangan perniagaan penting bagi meyakinkan pihak pembiaya?

- A Membantu operasi perniagaan lebih sistematik
- B Membolehkan pelaksanaan tanggungjawab sosial
- C Mengelakkan kesilapan dalam menguruskan perniagaan
- D Memudahkan usahawan memperoleh modal perniagaan

40. Antara yang berikut, yang manakah merupakan maklumat latar belakang perniagaan dalam penyediaan rancangan perniagaan?

- I Modal permulaan
- II Tarikh mula perniagaan
- III Pelan kedudukan perniagaan
- IV Status perkahwinan pemilik perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT